



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

"JPJ SANTUNI KELUARGA MALAYSIA"

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia mengambil maklum terhadap isu yang melibatkan seorang ibu tunggal, **Puan Azimah Abd Rahim, 37 tahun** yang tular baru-baru ini, membawa anaknya yang merupakan **Orang Kurang Upaya (OKU)** buta kekal ketika bekerja sebagai penghantar pesanan makanan. JPJ menzahirkan rasa simpati terhadap situasi dan dugaan yang dihadapi Puan Azimah serta menyifatkan beliau merupakan seorang wanita cekal.

Selaras dengan Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui JPJ turut tampil menyantuni dan membantu meringankan beban golongan memerlukan, terutamanya ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah (B40) melalui inisiatif **Pengecualian Fi Lesen Kenderaan Motor (LKM)** bagi kenderaan OKU seperti yang telah dibentangkan di bawah Bajet 2022.

Sayugia dimaklumkan, Puan Azimah Abd Rahim yang merupakan ibu kepada anaknya yang OKU, masih **belum menikmati inisiatif pengecualian fi LKM** yang diberikan Kerajaan untuk membantu golongan tersebut. Berdasarkan semakan JPJ, Puan Azimah **memenuhi kriteria** yang ditetapkan dan layak untuk menikmati keistimewaan pengecualian fi LKM. Justeru, JPJ menyantuni Puan Azimah dan keluarga untuk membantunya memohon dan mendapatkan LKM dengan diberi pengecualian fi LKM.

JPJ ingin memaklumkan bahawa inisiatif ini diberikan kepada semua **Keluarga Malaysia** yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Mana-mana individu yang merupakan **seorang OKU atau ibu/ bapa/ penjaga/ pasangan suami/isteri OKU** yang berdaftar dengan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** dan memenuhi kriteria yang ditetapkan serta layak menikmati inisiatif Kerajaan ini, tetapi belum mendapatkan keistimewaan pengecualian fi LKM, boleh hadir ke mana-mana Pejabat JPJ yang berhampiran untuk membuat **pengisyiharan kali pertama** dan memohon **pengecualian fi LKM** untuk kenderaan OKU.

Keistimewaan pengecualian fi LKM untuk kenderaan OKU layak diberikan kepada kenderaan bagi kategori berikut;

- I. **Kenderaan motor yang telah diubahsuai khas untuk kegunaan OKU atau bagi kenderaan motor yang tidak diubahsuai (pengecualian hanya kepada Kenderaan Pemasangan Tempatan (CKD) dan Kereta Nasional sahaja).**
- II. **Kenderaan motor terbabit hendaklah didaftarkan dan dilesenkan di atas nama individu OKU tersebut, dan individu OKU hendaklah telah berdaftar serta mempunyai kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).**
- III. **Pengecualian juga dipanjangkan kepada kenderaan motor yang didaftarkan/dimiliki oleh ibu bapa/penjaga yang berdaftar dan mempunyai anak OKU serta pasangan suami/isteri yang mempunyai pasangan OKU, dengan syarat individu OKU terbabit juga telah berdaftar dengan JKM. Permohonan bagi mendapatkan pengecualian ini adalah mulai pada 15 Mac 2022.**

Menerusi lawatan ini juga, JPJ turut menyerahkan bantuan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak (CRS), aksesori tambahan keselamatan penunggangan motosikal dan membantu menyelaras bantuan Lesen Vokasional (PSV), Puan Azimah, kelak.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

8 NOVEMBER 2022

[TAMAT]